

***IKHLASlink* Child Waiver Of  
Contributions Secure Takaful Rider**

## 1. **IKHLASlink Child Waiver of Contributions Secure Takaful Rider**

Melindungi ketidaktentuan kehidupan. Dengan *IKHLASlink Child Waiver of Contribution Secure Takaful Rider*, ia memberi nilai tambah kepada *IKHLASlink Child Secure Takaful Rider* yang telah dilanggan sebelumnya. Pelan ini akan mengecualikan semua pembayaran Sumbangan Takaful yang perlu dibayar pada masa akan datang kerana ia adalah satu rider yang dijamin pembaharuannya menerusi unit deduktif.

## 2. **Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?**

### a) **Manfaat Penyakit Kanak-kanak**

Semua Sumbangan Takaful yang perlu dibayar di masa akan datang akan diuruskan oleh pihak Syarikat bagi Orang Yang Dilindungi sekiranya Orang Yang Dilindungi disahkan menghidap salah satu daripada Penyakit Kanak-kanak yang ditakrifkan di dalam Sijil Takaful Tambahan bagi *IKHLASlink Child Secure Takaful Rider*.

Nota: Orang Yang Dilindungi/ Kanak-kanak hendaklah orang yang sama dalam semua Sijil Takaful Asas dan Sijil Takaful Tambahan.

## 3. **Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?**

a) Yuran Wakalah - tidak dikenakan.

b) Caj Tabarru' akan ditolak daripada Dana Unit daripada Sijil Takaful Asas (melalui penolakan unit-unit mengikut harga unit) dan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) akan dikenakan ke atas tabarru'. Tabarru' akan meningkat seiring dengan peningkatan usia Orang yang Dilindungi. Butiran amaun tabarru' dan lain-lain caj untuk pelan ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam ilustrasi manfaat.

## 4. **Terma dan Had Umur**

### **Umur Kemasukan:**

Peserta Takaful:

11 – 70 tahun, umur pada hari jadi akan datang

Orang Yang Dilindungi:

30 hari – 15 tahun, umur pada hari jadi akan datang

Nota: Peserta Takaful yang berumur antara 11 – 16 tahun hendaklah mendapat persetujuan daripada ibu bapa/ penjaga.

### **Umur Matang:**

Orang Yang Dilindungi yang mencapai umur 25 tahun, pada hari jadi akan datang.

## 5. **Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?**

a) Tempoh menunggu - Seperti Penyakit Kritikal, ia mesti bertahan untuk tempoh berterusan tidak kurang daripada tempoh enam (6) bulan.

## 6. **Apakah pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?**

Sijil Takaful Tambahan ini tidak akan melindungi penyakit kritikal berpunca secara langsung atau tidak, sepenuhnya atau sebahagiannya, dari salah satu daripada kejadian-kejadian berikut:

a) sebarang Penyakit Kanak-kanak, yang pertama kali timbul sebelum enam puluh (60) hari selepas tarikh kuat kuasa atau tarikh lahir Orang Yang Dilindungi atau tarikh penguatkuasaan semula rider ini, yang mana yang terkemudian; atau

b) sebarang Penyakit Kanak-kanak yang wujud pada tarikh kuat kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula Sijil Takaful Tambahan ini, yang mana terkemudian; atau

- c) sebarang Penyakit Kanak-kanak yang disebabkan oleh kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman; atau
- d) Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara;
- e) Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurang atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurang ataupun darurat;
- f) Sebarang kegiatan pengganas. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau kumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasi atau kerajaan atau kerajaan-kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab politik, keagamaan, ideologi atau sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan / atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan;
- g) Disebabkan oleh atau lanjutan daripada bunuh diri atau cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin;
- h) Ketidakupayaan yang ditanggung oleh Orang yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Orang yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan;
- i) Sebarang ketidakpatuhan undang-undang oleh Orang yang Dilindungi atau kesalahan yang dicituskan olehnya;
- j) Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif;
- k) Sebarang keadaan sedia wujud sebelum penerimaan perlindungan;
- l) Jika penyakit tersebut didiagnos dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kuatkuasa Sijil Takaful Tambahan ini atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian, kecuali jika disebabkan oleh Kemalangan.
- m) Bagi Orang Yang Dilindungi kanak-kanak, sebarang kecacatan atau kekurangan semenjak lahir adalah dikecualikan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian-pengecualian yang terdapat di bawah Sijil Takaful ini.

## 7. Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?

Jika anda mendapati rider ini tidak lagi bersesuaian, anda boleh membatalkannya dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis.

## 8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dalam jangka masa ditetapkan.

**9. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Berkaitan Pelaburan dan/atau Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk kepada buku insurance info mengenai 'Takaful Berkaitan Pelaburan' dan/atau 'Takaful Perubatan dan Kesihatan', yang boleh didapati di semua cawangan kami ataupun anda boleh memperolehnya daripada ejen Takaful kami atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

**10. Produk seumpama yang boleh didapati?**

*IKHLASlink Waiver of Contributions Secure Takaful Rider*

**NOTA PENTING:**

**ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA SIJIL TAKAFUL INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.**